

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA
PENGKAL KEDUA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI
SALLEH**

[PASIR PUTEH]

TARIKH SOALAN : 20 NOVEMBER 2019 (RABU)

SOALAN NO. 22

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan adakah usahawan baharu luar bandar khususnya di Parlimen Pasir Puteh dan negeri Kelantan mendapat manfaat di bawah program PROTÉGÉ serta adakah mereka layak menerima geran permulaan perniagaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Program pembudayaan keusahawanan di bawah seliaan PROTÉGÉ termasuk program PROTÉGÉ Reach-Out & Awareness yang melibatkan kerjasama antara pihak industri, agensi dan universiti di seluruh Malaysia. Ianya bertujuan memberi kesedaran seterusnya memupuk minat para belia termasuklah para pelajar dan graduan yang berminat untuk menjadikan bidang keusahawanan sebagai alternatif kerjaya utama selepas bergraduasi kelak.
2. Program ini mensasarkan siswa-siswi, graduan dan pengunjung yang berminat dalam bidang keusahawanan dari seluruh Malaysia termasuklah dari Kelantan. Malah, program kebolehpasaran dan keusahawanan bakal diadakan oleh PROTÉGÉ di Kelantan pada 21 November 2019 bertempat di Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Semua usahawan muda dari seluruh Kelantan terutamanya dari Pasir Puteh adalah dijemput untuk bersama-sama memanfaatkan segala ilmu dan peluang yang disediakan sempena program ini.
3. Program latihan keusahawanan seperti PROTÉGÉ Business Accelerator pula merangkumi dua modul utama iaitu sesi latihan berpusat dan sesi mentoring bersama BisKaunselor yang telah dilantik. Program selama 4 bulan ini bertujuan untuk memberikan latihan khusus yang disesuaikan untuk mengisi jurang pengetahuan dan kemahiran para usahawan seterusnya meningkatkan hasil jualan mereka. Program ini telah dilaksanakan bermula Ogos sehingga Disember 2019.
4. Walaupun penyertaan program ini terbuka kepada semua usahawan baru di seluruh Malaysia, namun sehingga kini tiada usahawan dari Kelantan yang telah mendaftar untuk turut serta.

5. PROTÉGÉ tidak menawarkan sebarang geran kepada para usahawan namun semua peserta dan graduan yang menghadiri program-program latihan kebolehpasaran dan keusahawanan dapat mengakses atau memohon dana-dana yang disediakan di bawah MED dan agensi-agensi yang berkaitan sekiranya berkecukupan untuk memulakan perniagaan seterusnya seperti:

TEKUN

- i. Program Pembangunan Usahawan Siswazah (PPUS)
Had maksimum pembiayaan untuk 3 orang rakan kongsi di bawah syarikat yang sama sehingga RM150,000. Kadar keuntungan dikenakan adalah sehingga 4%.
- ii. Program Agropreneur Muda (PAM) – dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani (MOA) dengan Geran secara In-Kind Contribution dari MOA dengan nilai sehingga RM20,000 manakala TEKUN menyalurkan pembiayaan sehingga RM50,000 bagi pengembangan / peningkatan projek.

SME Bank

Menawarkan bantuan pembiayaan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tanpa mengira kawasan atau kaum, termasuk:

- i. Program Pembiayaan Perniagaan Kecil (SBF) – pembiayaan modal kerja untuk usahawan
- ii. Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED) – meningkatkan produktiviti serta mengembangkan perniagaan
- iii. Pembiayaan Premis Perniagaan (i-3P) – penyelesaian fleksibel untuk memiliki atau membiayai semua premis perniagaan
- iv. MySME Bina – pembiayaan projek pembinaan dan infrastruktur

- v. MySME Bekal – penyelesaian untuk pembiayaan kontrak bekalan dan penyelenggaraan
- vi. MySME Lady – membantu memperkasakan wanita dalam perniagaan
- vii. Tabung Khas Pelancongan (SFT 3) – bantuan kepada PKS dalam industri pelancongan
- viii. ‘Subordinated Financing Programme’ – menyokong, memperkasa dan mengukuhkan kelangsungan ekonomi Bumiputera dalam perniagaan

Bank Rakyat

- i. Skim Pembiayaan Mikro-i – kemudahan pembiayaan dari RM1,000 hingga RM50,000
 - ii. Pembiayaan Usahawan Kecil dan Sederhana (startup) – dari RM50,000 hingga RM500,000 dengan Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP)
6. Selain daripada bantuan perniagaan yang disediakan oleh agensi Kementerian, peluang-peluang latihan keusahawanan turut ditawarkan kepada para usahawan tempatan. Agensi terlibat ialah:
- i. Centre For Entrepreneur Development & Research Sdn Bhd (CEDAR); anak syarikat SME Bank;
 - ii. Institut Keusahawanan Negara (INSKEN); dan
 - iii. Malaysian Global Innovation & Creativity Centre (MaGIC).

Sekian, terima kasih
